

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 JUN 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	PSN Trooperz semarak sains	Utusan Malaysia
2	Projek perintis MOSTI tangani wabak denggi bermula bulan ini	Utusan Malaysia
3	Inovasi banteras aedes	Harian Metro
4	'Kit perlindungan denggi berkesan'	Berita Harian
5	100,000 kit denggi diedar	Kosmo
6	Hot spots to get anti-dengue kits	New Straits Times
7	New war on dengue	The Sun
8	100,000 aedes traps to be distributed	The Malay Mail
9	Exciting times for biomedical sector in Malaysia	The Star
10	Uniknya Reka Bentuk	Utusan Malaysia
11	Bidang reka bentuk mampu jana ekonomi negara	Utusan Malaysia
12	Wujudkan universiti reka bentuk	Utusan Malaysia
13	Platform mahasiswa pamerkan bakat	Utusan Malaysia
14	Buka minda untuk berinovasi	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 22 JUN 2015 (ISNIN)



EWON EBIN (barisan belakang) ceria bersama sebahagian peserta yang terlibat dalam PSN Trooperz di Putrajaya baru-baru ini.

PSN Trooperz semarak sains

Usaha MOSTI budayakan sains dan teknologi



KANAK-KANAK dari Tadika Alif Ceria Putrajaya teruja dengan eksperimen sains, Robobrush pada majlis pelancaran PSN Trooperz di Putrajaya baru-baru ini.

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**
ashriq.ahmad@utusan.com.my



seinggalah ke peringkat antarabangsa pelbagai aktiviti dilakukan bagi menyemarakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat.

Baru-baru ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Pusat Sains Negara (PSN) melancarkan PSN Trooperz iaitu sebuah program jangka panjang (outreach) dengan menjelajah ke seluruh negara.

PENDEKATAN kerajaan dalam mencambahkan minat masyarakat terutamanya golongan muda terhadap sains adalah pelbagai. Bermula dari peringkat sekolah

Dilancarkan oleh menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin, beliau menjelaskan PSN Trooperz merupakan komitmen kementerian tersebut untuk membudayakan sains dan teknologi menerusi pendekatan yang mudah serta menyeronokkan.

Jelasnya, program secara santai dan menyeronokkan itu bertujuan bagi menarik minat masyarakat terhadap bidang tersebut.

"Menerusi PSN Trooperz, pelbagai program telah diatur seperti Program Komuniti, Program Pelajar, Program Pendidikan, Program Golongan Kurang Upaya dan Program Orang Asli.

"Selain daripada itu, terdapat juga program yang bersifat pertandingan yang berteraskan Sains, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) yang turut menjelajah ke seluruh negara," katanya ketika ditemui di Putrajaya baru-baru ini.

Pada tahun lepas, PSN Trooperz berjaya menarik seramai 692,854 peserta dari seluruh negara menyertai program-program pembudayaan sains yang ditawarkan.

Sepanjang program tersebut berlangsung, sebanyak 52 program jangka panjang telah dijalankan di seluruh negara dengan melibatkan segenap lapisan masyarakat bermula daripada golongan pelajar, guru, belia orang kurang upaya, komuniti orang asli dan masyarakat umum.

PSN Trooperz tidak bergerak berseorangan malah turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT).

Seterusnya Cetree Universiti Sains Malaysia (USM), Planetarium Melaka, Petrosains, SASBADI Sdn. Bhd. dan MyRobot Sdn. Bhd.

Penyelaksanaan yang dianjurkan juga adalah bersempena penutupan PSN buat sementara waktu kepada orang ramai bermula 20 Mac lalu untuk tujuan kerja-kerja menaik taraf pusat tersebut.

Pembukaan semula PSN bersama wajah baharu dijangka pada November 2016.



DR. EWON EBIN



EWON EBIN mencuba salah satu eksperimen ketika melancarkan PSN Trooperz di Putrajaya baru-baru ini.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 22 JUN 2015 (ISNIN)



ZULKIFLI MOHAMED HASHIM (dua dari kiri) dan **Ahli Majlis MPSJ, Ir. Izham Hashim** (kiri) merasmikan Program Komuniti Bebas Denggi anjuran MOSTI dan MPSJ di Laman Sukan MPSJ, Subang Jaya, Selangor, semalam.

Projek perintis MOSTI tangani wabak denggi bermula bulan ini

Oleh **FARHANA JONI**
pengarang@utusan.com.my

PETALING JAYA 21 Jun - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menjalankan projek perintis Kempen Komuniti Bebas Denggi di beberapa kawasan yang berisiko tinggi melibatkan Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Johor bermula bulan ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) kementerian tersebut, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim berkata, projek perintis yang dijalankan bersama EntoGenex Industries Sdn. Bhd. dan Inno Biologics Sdn. Bhd. itu membabitkan pengedaran kira-kira 100,000 kit bebas denggi ke rumah-rumah yang telah dikenal pasti berisiko, bermula Ogos ini.

Katanya, projek perintis itu akan dijalankan selama setahun bagi melihat tahap keberkesanan teknologi tersebut dan sekiranya berjaya akan dijadikan program

tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara MOSTI dan Kementerian Kesihatan dalam menghapuskan wabak denggi di seluruh negara.

"Kit bebas denggi ini adalah hasil penyelidikan antara dua syarikat tersebut dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang terdiri daripada Mouticide iaitu produk pencegah nyamuk pada peringkat larva nyamuk, krim penghalang nyamuk dan perangkap Ovi Larva Aedes yang direka khas bagi membunuh sistem pembiakan aedes.

"MOSTI meletakkan harapan yang tinggi terhadap kit bebas denggi ini yang telah terbukti berkesan membunuh nyamuk di luar negara seperti Filipina, Thailand dan Vietnam dalam tempoh hanya beberapa bulan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dalam Majlis Perasmian Program Komuniti Bebas Denggi di Laman Sukan Maj-

lis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di Petaling Jaya di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif EntoGenex Industries, Tunku Naquiddin Tuanku Ja'afar; Pengarah Inno Biologics, Datuk Dr. Ahmed Tasir Lope Pihie; dan Ketua Program Projek Komuniti Bebas Denggi, K.V. Soon.

Mengulas lanjut Zulkifli berkata, MOSTI turut mewujudkan Skuad Bebas Denggi yang terdiri daripada penduduk setempat di Taman Melati, Gombak; Kampung Baru serta USJ 1 dan dijangka menambah 30 kumpulan lagi di Melaka, Johor, Pahang dan Sabah dalam tempoh terdekat.

Jelas beliau, pihaknya turut mendapat sokongan daripada Pasukan Penyelaras Kawasan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertindak sebagai rujukan maklumat kepada Skuad Bebas Denggi selain membuat kajian mengenai pembiakan nyamuk aedes dan impak sosial dalam menangani denggi.

Inovasi banteras aedes

■ MOSTI, Inno
Biologics
perkenal
kaedah tangani
denggi

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my
Subang Jaya

Sebanyak 51,474 kes denggi dilaporkan di seluruh negara untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini membabitkan 138 kematian.

Kes yang direkodkan sehingga 13 Jun lalu itu jauh mengatasi jumlah keseluruhan yang dicatatkan sepanjang 2013 dan membimbangkan banyak pihak

FAKTA
51,474 kes denggi
dilaporkan
di seluruh negara

termasuk Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Justeru, kementerian berkenaan dengan kerjasama Inno Biologics, sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan dan Entogenex Industries Sdn Bhd, melaksanakan kempen Komuniti Bebas Denggi serta memperkenalkan kaedah baru, kit bebas denggi sebagai inisiatif tambahan untuk mengurangkan wabak itu di negara ini.

Menterinya, Datuk Dr Ewon Ebin berkata, MOSTI mengambil pendekatan proaktif untuk mengurangkan bebanan risiko denggi kepada masyarakat menggunakan kaedah teknologi dan inovasi terkini bagi melengkapi usaha Kementerian Kesihatan dalam membantaras pembiakan aedes.



TIMBALAN Ketua Setiausaha (SAINS) (MOSTI) Dr Zulkifli Mohamed (tiga dari kanan) merasmikan Komuniti Bebas Denggi.

Katanya, menerusi kempen berkenaan, kementerian serta dua syarikat terbabit akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi mengenal pasti kawasan yang berisiko ting-

gi dan memerlukan bantuan dalam menangani wabak denggi.

"Mereka bekerjasama dengan penduduk setempat untuk membentuk Skwad Bebas Denggi dan akan di-

berikan kit bebas denggi.

"Program perintis ini akan diaktifkan secara berperingkat di beberapa kawasan di tiga negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor," katanya.

'Kit perlindungan denggi berkesan'

» Direka khas untuk bunuh sistem pembiakan nyamuk aedes: MOSTI

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

■ Subang Jaya

Sebanyak 100,000 Kit Perlindungan Lengkap Denggi akan diedarkan di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor mulai bulan depan untuk memerangi wabak denggi yang kini pada tahap membimbangkan.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dr Zulkifli Mohamed Hashim, berkata kit itu direka khas untuk membunuh sistem pembiakan nyamuk.

Terbukti berkesan

Katanya, ia terbukti berkesan di luar negara seperti Filipina apabila berjaya membunuh sistem pembiakan nyamuk sehingga 100 peratus dalam masa satu hingga dua bulan.

"Ia mengandungi biolarvicide MOUSTICIDE yang dapat membunuh larva nyamuk, losyen penghalang nyamuk dan perangkap Ovi Larva Aedes itu," katanya di sini, semalam.

Terdahulu Zulkifli mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Ewon Ebin



melancarkan 'Komuniti Bebas Denggi' USJ 1, di sini.

Pelancaran program Komuniti Bebas Denggi itu adalah hasil kerjasama pengeluar kit terbabit iaitu Inno Biologics dan Entogenex Industries.

"Ia mengandungi biolarvicide MOUSTICIDE yang dapat membunuh larva nyamuk, losyen penghalang nyamuk dan perangkap Ovi Larva Aedes itu"

Dr Zulkifli Mohamed Hashim,
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi
(MOSTI)



Dr Zulkifli (dua dari kanan) bersama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Izham Hashim (kanan) pada pelancaran Komuniti Bebas Denggi, semalam. [FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]

Dua kawasan di Selangor iaitu komuniti USJ1 di Zon 4 Subang Jaya dan Taman Melati, Gombak serta Kampung Padang di Kampung Baru, Kuala Lumpur adalah tiga komuniti pertama terpilih untuk projek perintis Program Komuniti Bebas Denggi.

Mampu kurangkan kes

Dalam pada itu, Dr Zulkifli berkata MOSTI menyasarkan penggunaan kit itu dapat mengurangkan kes denggi di Selangor, Kuala

Lumpur dan Johor dalam masa setahun.

Beliau berkata, jika didapati berkesan, kementerian akan menjadikannya sebagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk didedahkan secara percuma kepada orang ramai.

"Pihak MOSTI juga sedang mempertimbangkan untuk memperluaskan program ini ke

negeri lain seperti Pahang, Sabah dan Melaka," katanya.

Sementara itu, Dr Ewon dalam teks ucapan yang dibacakan Dr Zulkifli, berkata sehingga 23 Mei lalu, sebanyak 138 kes kematian daripada 51,474 kes denggi dicatat setakat 13 Jun lalu.

"Ia kes yang amat membimbangkan dan kementerian sedaya upaya akan melakukan pelbagai inovasi untuk mengekang wabak ini daripada terus menular," katanya.

Langkah drastik kurangkan wabak penyakit di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor

100,000 kit denggi diedar

PETALING JAYA - Sebanyak 100,000 kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi akan diedarkan di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor mulai bulan depan dalam usaha menangani masalah denggi di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Dr. Zulkifli Mohamed Hashim berkata, dua kawasan di Selangor iaitu komuniti USJ1 di Zon 4 Subang Jaya dan Taman Melati, Gombak serta Kampung Padang di Kampung Baru, Kuala Lumpur merupakan tiga komuniti pertama terpilih untuk projek perintis Program Komuniti Bebas Denggi ini.

"Kita menyasarkan dengan penggunaan kit ini, ia dapat mengurangkan kes denggi di negeri berkenaan

dalam masa setahun," katanya kepada pemberita selepas mewakili menteri, Datuk Seri Dr. Ewon Ebin melancarkan 'Komuniti Bebas Denggi' USJ1 di sini semalam.

Dr. Zulkifli berkata, kit yang mengandungi biolarvicide MOUSTICIDE yang dapat membunuh larva nyamuk, losyen penghalang nyamuk dan perangkap Ovi Larva Aedes itu, direka khas untuk membunuh sistem pembiakan nyamuk.

"Ia telah terbukti berkesan di luar negara berjaya membunuh sistem pembiakan nyamuk sehingga 100 peratus dalam masa satu hingga dua bulan," katanya.

"Sekiranya didapati berkesan, kami (MOSTI) akan menjadikannya sebagai program CSR (Tang-

gungjawab Sosial Korporat) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan NGO (badan bukan kerajaan) supaya diedarkan secara percuma kepada orang ramai," katanya.

Dr. Zulkifli berkata, pelancaran program Komuniti Bebas Denggi itu adalah hasil kerjasama oleh pengeluar kit tersebut iaitu Inno Biologics dan Entogenex Industries.

"Pihak Mosti juga sedang mempertimbangkan untuk memperluaskan program ini ke negeri-negeri lain seperti Pahang, Sabah dan Melaka," katanya.

Sementara itu, Dr. Ewon dalam teks ucapan yang dibacakan Dr. Zulkifli berkata, sehingga 23 Mei lepas, sebanyak 138 kes kematian dan 51,474 kes denggi telah dicatat setakat 18 Jun lepas.



ZULKIFLI (dua dari kiri) merasmikan Program Komuniti Bebas Denggi anjuran MOSTI dan MPSJ di Laman Sukan MPSJ Subang Jaya, Selangor semalam.



Science, Technology and Innovation Ministry deputy secretary-general (science) **Dr Zulkifli Mohamed Hashim** (second from left) launching the **Dengue Free Community programme** in Subang Jaya yesterday. With him are Subang Jaya municipal council member **Ir Izham Hashim** (left), and EntoGenex Industries Sdn Bhd founder and chairman **Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar** (right). Pic by Nurul Shafina Jemenon

Hot spots to get anti-dengue kits

CAMPAIGN: Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya and Johor to get special larvae-killing containers

DAWN CHAN
PETALING JAYA
news@nst.com.my

A TOTAL of 100,000 dengue kits will be distributed in hotspot neighbourhoods in Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya and Johor.

Science, Technology and Innovation Ministry deputy secretary-general (science) **Dr Zulkifli Mohamed Hashim** said this was part of the Dengue Free Community programme spearheaded by the ministry with the cooperation of Inno Biologics Sdn Bhd and EntoGenex Industries Sdn Bhd.

The kit is made of mousticide biolarvicide which has been proven effective in killing mosquito larvae at source through a container called "aedes larvae ovi-trap".

In the one-year pilot project, dengue free squads have been tasked to identify neighbourhoods with a high number of dengue cases to receive the kits which are currently sold in the Philippines and Singapore.

"The ministry has a project monitoring team that would evaluate its effectiveness and we will work to ensure a drop in number of dengue cases.

"We would also want this programme to be carried out in other states as well," said Dr Zulkifli.

USJ 1 was chosen as the launching pad for the programme as it has the highest number of cases in Selangor with 159. There have been 29,796 cases in the state.

Also present at the event in Subang Jaya were Inno Biologics Sdn Bhd director Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie and EntoGenex Industries Sdn Bhd founder and chairman Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar.

New war on dengue

> 100,000 protection kits to be distributed to eradicate disease at its source

BY ADRIAN PHUNG
newsdesk@thesundaily.com

SUBANG JAYA: In a move to eradicate dengue at its source, the Science, Technology and Innovation Ministry will distribute 100,000 complete dengue protection home kits to selected communities in targeted states.

The ministry's deputy secretary-general for Science Dr Zulkifli Mohamed Hashim said the kits will be distributed in Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya and Johor.

Each kit contains Mousticide biolarvicide and Denguard mosquito repellent.

Biolarvicide is able to rapidly kill Aedes mosquitoes while the repellent will provide its users total protection from mosquito bites.

"These kits will be distributed to the targeted states between July and September to eradicate dengue at its source by killing the Aedes larvae," he said during the official launch of the Dengue Free Community programme here yesterday.

Zulkifli said the programme is a result of the combination of technology and innovation to develop a tool box to control dengue, and these tools developed under the ministry's innovation programme are hallmarks of success for the government's



A visitor looks at mosquito larvae during the launch of the dengue-free campaign yesterday.

aspiration to promote the development of the biotechnology sector.

He also said that the ministry with its technology partners for the programme, Entogenex and Inno Bilogics, and the relevant local councils, will work with communities with high incidences of dengue to form a Dengue Free Squad.

"The squad consisting of volunteers

representing each street of houses or blocks of flats will receive training and knowledge from a team of experts and I hope that this knowledge will be shared with the whole community to enable them to better prepare for effective dengue control measures in their communities," he said.

Zulkifli said the ministry will consider extending the programme to Pahang, Sabah and Malacca.

100,000 aedes traps to be distributed

PETALING JAYA — A total of 100,000 home dengue protection kits will be distributed in Selangor, Kuala Lumpur and Johor next month to address the dengue problem.

Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) deputy secretary-general Dr Zulkifli Mohamed Hashim said USJ 1 community in Zone 4 Subang Jaya, Taman Melati in Gombak, and Kampung Padang in Kampung Baru, Kuala Lumpur, were the first three communities selected for the Dengue Free Community pilot programme.

"We aim to use the kits to reduce the number of dengue cases in these states within a year," he told reporters after representing the minister, Datuk Seri Dr Ewon Ebin, at the launch of the Dengue Free Community at USJ 1 yesterday.

Dr Zulkifli said the kit contained biolarvicide Mousticide which could kill mosquito larvae, mosquito deterrent lotion and ovitraps specially designed to detect and kill eggs and larvae of aedes mosquitoes.

"It has been proven successful overseas, eliminating mosquito breeding by 100 per cent within one to two months," he said.

"If found effective, we will make it a corporate social responsibility (CSR) in collaboration with the Ministry of Health and non-governmental organisations to distribute these kits free of charge to the public.

"Mosti is also considering expanding the programme to other states like Pahang, Sabah and Malacca." — Bernama

Exciting times for biomedical sector in Malaysia

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

PHILADELPHIA: Exciting times are ahead for Malaysia when one of the top Asian biopharmaceutical giants Biocon Ltd begins operations in the country next year.

Malaysia Biotechnology Corp (Biotech Corp) biomedical section senior vice-president Jay Padasian said it had taken about two years to convince the company to set up its integrated insulin plant in Malaysia.

"If you look at some of the interviews conducted with Biocon's founder Kiran Mazumdar-Shaw, she said there was an intensive engagement by Malaysia to get the company into the country," said Padasian when met on the sidelines of the Bio International Convention here.

The almost-completed Biocon integrated insulin plant is located at a sprawling 40acre facility in Nusajaya, Johor.

It is the largest insulin plant in Asia, said Padasian.

Biocon has invested more than US\$160mil (RM592mil) to set up the plant and this is the largest foreign investment in Malaysia's biomedical sector.

According to Padasian, the idea to get a big biopharmaceutical player into the country was mooted in 2008.

"The decision was made at a time when we realised that to be seen as an industry player

we need to have a big company willing to come to Malaysia to do its activities," said Padasian.

He added getting a big company like Biocon into the country was a crucial element required to build a domestic biomedical industry.

"It is about having a large player because you have to get a critical mass of people trained in the area," Padasian pointed out.

The setting up of the facility has created a number of job opportunities for Malaysians, especially young graduates from related disciplines.

Padasian said Biotech Corp was courting foreign businesses to invest in Malaysia's biotechnology industry in various ways and one of them was by attending events such as the convention.

He said with Biocon's activities in the country, Malaysia would be able to show to the world that it is capable of going into high-end biomedical production.

"Success builds success. When people see that Biocon can do it, they will start engaging us too," he said.

Padasian added Biocon's presence would make it easier to promote and sell Malaysia as a biotechnology hub.

The three-day event saw global industry players promoting their businesses as well as networking.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 22 JUN 2015 (ISNIN)

ISNIN 22.06.15

UTUSAN MALAYSIA

Sains
@com

PLATFORM
MAHASISWA
PAMERKAN
BAKAT "8"

Bidang reka
bentuk
berkembang
sejajar dengan
pemupukan
budaya kreatif,
inovasi serta seni

**UNIKNYA
REKA
BENTUK**



sains

Hargai reka bentuk

Design Summit 2015 lahir generasi pereka bentuk bertaraf dunia

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com.my



BIDANG reka bentuk merupakan satu daripada cabang kreativiti bagaimana kita menghasilkan sesuatu berdasarkan kepada nilai seni yang tinggi serta mudah digunakan.

Kejayaan sesuatu reka bentuk dapat menghasilkan satu inovasi yang bukan sahaja memukau pandangan umum tetapi boleh dikomersialkan dan memberi faedah

kepada perekanya.

Lebih daripada itu, hasil rekaan itu juga dapat dipindahkan kepada golongan sasaran dan digunakan untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Sebab itu apabila Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC) baru-baru ini menganjurkan *Design Summit 2015*, ramai telah mula sedar betapa bidang tersebut mempunyai kepentingan untuk dimanfaatkan kepada penduduk luar bandar.

Sempena sidang tersebut, banyak rekaan dan teknologi diperkenalkan untuk tatapan umum, yang boleh mereka gunakan untuk aktiviti ekonomi. Dengan

kata lain, produk yang berteraskan kreativiti dan inovasi sebenarnya perlu dipromos supaya penggunaannya dapat dikongsi bersama dengan orang ramai khususnya kumpulan sasaran.

Antara yang tampil dengan rekaan menarik ialah Ketua Pegawai Eksekutif GM Peladang Sdn.Bhd, **Mohamad Zamir Ghazali** yang memperkenalkan penanaman salad seperti sawi dan kailan melalui sistem aliran cetek (NFT).

Kaedah pertanian moden yang di usahakan itu bertujuan meningkatkan ekonomi serta bagi membantu penduduk bandar untuk mengusahakan tanaman sekali gus mencari mata pencarian tambahan bagi menampung kos sara hidup yang tinggi.

Menurutnya, teknik tanaman ini merupakan pelaburan terbaik untuk menjana pendapatan harian hanya di sekitar rumah dalam tempoh dua minggu sahaja.

Tidak memerlukan kawasan yang luas, projek tanaman ini boleh bermula dengan saiz satu meter untuk 20 pot tanaman yang menghasilkan dua kilogram dengan kos serendah RM450.

"Kaedah penanamannya juga mudah dengan memerlukan 70 peratus perlite dan 30 peratus hampas sabut yang dicampur untuk proses penyemaian.

"Sementara pokok mendapat keperluan air baja lengkap melalui sistem aliran yang menghasilkan oksigen yang tinggi melalui pergerakan air," katanya.

Kelebihan produk ini adalah sayur yang



SISTEM aliran cetek untuk penanaman salad antara rekaan menarik dan terkini.



PENGURUS Pembangunan Perniagaan Strand Aerospace Malaysia Azlan Zainal menerangkan mengenai reka bentuk projek syarikatnya.



Bidang reka bentuk mampu jana ekonomi negara

MENYEBUT tentang pereka fesyen atau pereka grafik mungkin tidak asing lagi dalam kalangan rakyat di negara ini, malah menjadi pilihan sebilangan besar pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pelajaran di peringkat diploma.

Kedua-dua industri tersebut berkembang dengan amat baik serta membolehkan Malaysia berbangga kerana melahirkan pereka-pereka yang tempatan dan luar negara kerana dua ikon fesyen tersebut berjaya menempah nama di persada dunia.

Nama seperti Datuk Jimmy Choo dan Datuk Bernard Chandran tidak asing lagi bagi penggemar fesyen tempatan dan luar negara kerana dua ikon fesyen tersebut berjaya menempah nama di persada dunia.

Tanpa disedari dunia reka bentuk mengubah persepsi dunia dalam sesuatu industri baik berkaitan dunia glamor atau industri-industri lain termasuk menarik kepercayaan masyarakat

terhadap sesuatu produk atau syarikat.

Namun, benarkah negara kita sudah bersedia melahirkan pelapis dalam pelbagai bidang berkaitan reka bentuk sedangkan apabila dilihat hasil rekaan daripada bidang berkenaan masih lagi di tahap sederhana.

Berkongsi pandangan sama, Pengerusi, Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Prof. Datuk Ahmad Zainuddin berkata, Malaysia masih jauh di belakang daripada segi kedudukan dalam bidang reka bentuk berbanding Singapura.

Katanya, dalam penilaian yang dibuat beberapa tahun lalu, Malaysia masih belum berada di kedudukan yang membanggakan.

Hal itu menurutnya, boleh menyebabkan Malaysia akan terus mengalami kesukaran untuk bersaing selagi kerajaan tidak menjadikan bidang reka bentuk sebagai agenda utama dalam pembangunan negara dan dianuti

sepenuhnya oleh sektor perindustrian dan pendidikan.

"Walaupun negara melahirkan bakat yang mencukupi untuk menghasilkan reka bentuk kontemporari melalui bidang produk, seni bina, animasi, kraf, aksesori, fesyen dan lain-lain cabang reka bentuk serta berjaya mencipta impak yang besar di peringkat global.

Bagaimanapun amat penting untuk mengetahui sama ada kita (Malaysia) menyediakan prasarana dan ekosistem yang kondusif untuk pereka merealisasikan ciptaan dan rekaan mereka.

"Setiap tahun hampir 2,000 graduan reka bentuk lepasan dari universiti, politeknik, kolej dan sebagainya dilahirkan.

Namun dalam masa sama kerajaan dan industri perlu melihat bagaimana kita mengemblem tenaga terlatih ini untuk menghasilkan reka bentuk kontemporari yang berpotensi untuk menerokai pasaran Malaysia dan global dengan lebih meluas serta agresif lagi," katanya.

Tambahnya, selama ini Malaysia lebih tertumpu kepada bidang fesyen dan lukisan sahaja sedangkan terdapat lebih ramai bakat dalam pelbagai bidang yang boleh diketengahkan.

Antara cabaran utama adalah kekurangan pereka bertaraf dunia iaitu produk mereka tersenarai sebagai antara produk ternama di pasaran antarabangsa.

"Walaupun terdapat beberapa pereka tempatan yang berjaya, tetapi jumlahnya masih kecil.

"Pereka kita tidak mempunyai sebarang kelemahan cuma peluang untuk lebih menonjol agak kurang berbanding sekiranya mereka berada di New York, Paris dan London," ujarnya lagi.

Oleh itu MRM mencadangkan agar *designer driven product* diwujudkan bagi mengatasi tersebut.

Langkah itu akan memberi peluang kepada para pereka muda untuk menonjolkan rekaan mereka melalui misi perdagangan yang dianjurkan atau disertai oleh agensi kerajaan.



AHMAD ZAINUDDIN

KERATAN AKHBAR TEMPATAN UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 7 TARIKH: 22 JUN 2015 (ISNIN)

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 22 JUN 2015

MEGA • 7

sains



MOHD. SYUKRI ABDUL SAMAD menunjukkan ciptaan bahan penyerap bunyi dan haba.



ditanam bersih dan segar di samping sifar racun dan hormon yang memudaratkan kesihatan.

Selain itu, kaedah tersebut mampu mengatasi masalah bawaan tanah sekali gus memberi kualiti hasil yang lebih baik, cantik dan sekata.

Lebih menarik, melalui kaedah itu juga petani boleh menjimatkan penggunaan baja dan mengurangkan penggunaan racun.

Ini membolehkan menjimatkan yang lebih terhadap perbelanjaan kewangan petani moden alaf baharu serta dalam masa yang sama mampu meningkatkan hasil yang berganda.

Dalam pada itu, Pegawai Latihan Vokasional Mara, **Mohd. Syukri Abdul Samad** berkata, ciptaan menggunakan sabut kelapa sawit sebagai akan menyerap haba dan bunyi merupakan satu inovasi baharu yang boleh diketengahkan di

pasaran tempatan.

Katanya, Malaysia yang merupakan antara negara yang memiliki suhu yang panas amat dan memerlukan satu inovasi baharu untuk mengatasi permasalahan tersebut bagi memastikan rakyat negara itu dapat menjalankan aktiviti harian.

Memandangkan kebanyakan masa rehat penduduk Malaysia adalah di rumah, maka amat sesuai untuk menggunakan ciptaan tersebut sebagai sebahagian daripada pelan pembinaan rumah agar penduduk menikmati keselesaan ketika beristirahat.

Sabut kelapa sawit itu diletakkan pada bumbung bagi memastikan penyerapan haba dapat dilakukan secara maksimum sementara di dinding bagi menyerap bunyi.

Haba panas oleh terik matahari akan diserap melalui sabut kelapa sawit itu lalu memberi persekitaran yang mendamaikan di dalam rumah.

Kaedah sama juga digunakan untuk menyerap bunyi bising akibat pembinaan, kesibukan lalu lintas dan sebagainya sekali gus mengurangkan tekanan dalam kehidupan harian.

"Reka ini yang menggunakan teknologi hijau bukan sahaja baik untuk persekitaran alam malah turut memberi keselesaan kepada penghuni rumah," ujarnya.

Dalam pada itu, beberapa aktiviti lain turut dianjurkan bersama program tersebut adalah pameran produk kreatif dan inovasi, pertandingan gaffiti dinding, papan luncur,

basikal lasak, caburan bertuah dan persembahan muzik. Summit Design 2015 itu mempunyai tiga komponen penting iaitu pertandingan reka bentuk, seminar dan ekspo reka bentuk serta majlis makan malam bagi meraikan reka bentuk yang mesra alam.

Dengan kehadiran kira-kira 10,000 pengunjung sepanjang tempoh dua hari program tersebut, diyakini menjadi medan terbaik menggalakkan seluruh lapisan masyarakat khususnya belia menyertai aktiviti keusahawanan industri kreatif.

Malah *Design Summit* 2015 yang diadakan buat kali ketiga ini bertujuan memberi peluang kepada usahawan khususnya belia untuk meningkatkan ilmu dalam bidang penjenamaan, reka bentuk dan inovasi.

Pada kali ini, pelbagai produk baharu rekaan pelajar daripada beberapa institusi dan syarikat berpotensi untuk dipasarkan di pasaran tempatan.

Justeru, banyak produk keluaran tempatan dapat ditambah nilai terutamanya dari segi mutu dan berorientasikan pasaran.

Summit Design 2015 itu mempunyai tiga komponen penting iaitu pertandingan reka bentuk, seminar dan ekspo reka bentuk serta majlis makan malam bagi meraikan reka bentuk yang mesra alam."



REPLIKA pondok menunggu bas.

Wujudkan universiti reka bentuk

Antara program yang boleh dipertimbangkan adalah dengan menggandingkan pereka baharu bersama nama besar dalam industri supaya reka bentuk yang dihasilkan akan turut sama terserlah.

MRM berperanan penting untuk mempromosi dan menggalakkan perkembangan reka bentuk dalam negara agar produk rekaan dan keluaran tempatan setanding dengan produk luar negara.

MRM telah beberapa kali menerima pelawaan dari negara luar untuk membawa negara agar produk rekaan dan keluaran tempatan setanding dengan produk luar negara.

Usaha tersebut merupakan antara inisiatif berterusan MRM dan sokongan kerajaan dan pemain industri amat dialu-alukan supaya program seumpama itu dapat direalisasikan.

PERANAN dan sumbangan reka bentuk dalam menjana ekonomi sangat penting dan merupakan strategi persaingan di pasaran antarabangsa.

Lihat sahaja bagaimana negara Jepun yang hancur selepas Perang Dunia Kedua dahulu, bangkit semula dan berjaya menjadi negara maju melalui sumbangan reka bentuk strategik dalam penghasilan produk-produk mereka.

Begitu juga dengan Korea, Switzerland, Finland, Taiwan yang telah berjaya menggegarkan dunia melalui produk kreatif dan inovatif ciptaan dan rekaan mereka.

Jelaslah di sini bahawa reka bentuk mempunyai peranan penting dalam kemajuan ekonomi sesebuah negara, seperti ungkapan Inggeris yang sangat relevan dengan reka bentuk iaitu reka atau tolak (*design or decline*).

Namun demikian, galakan seperti itu perlu diperbanyak dan dikembangkan lagi termasuk menyediakan insentif kewangan kepada usahawan reka bentuk baharu.

Ini penting kerana industri reka bentuk kian berkembang dan peranannya juga semakin penting bukan sekadar dalam sektor perindustrian, tetapi juga kesejahteraan rakyat melalui reka bentuk sejagat, pembangunan bandar, perkhidmatan dan sebagainya.

Dalam konteks ini, MRM mencadangkan pihak-pihak berkaitan termasuk Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melantik penasihat reka bentuk yang boleh melihat kemajuan negara secara holistik melalui bidang reka bentuk.

Dalam pada itu, Prof. Datuk Ahmad Zainuddin turut mencadangkan penubuhan Universiti Reka Bentuk Antarabangsa (IDU) yang menawarkan program dalam pelbagai peringkat ijazah lanjutan.

"Kita perlu melahirkan graduan yang berkemampuan untuk mencipta dan menggunakan reka bentuk sebagai alat untuk melonjakkan penerimaan produk mereka di pasaran selain perlu turut menumpukan kepada lebih ramai

graduan pencipta kerja (*job creators*) berbanding graduan pencari kerja (*job seekers*)," katanya.

Jelas beliau, sekiranya Malaysia tidak mengambil langkah tersebut dikuatir negara akan ketinggalan berbanding negara-negara jiran apabila aspek pemikiran reka bentuk tidak dimasukkan ke dalam kurikulum di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan.

Selain itu, sudah tiba masanya untuk negara melahirkan lebih ramai pakar penyelidik dalam bidang reka bentuk.

Malaysia perlu mengambil contoh seperti Singapura yang telah menubuhkan Singapore University of Technology and Design (SUTD) bagi menampung permintaan terhadap peranan dan potensi pereka dan reka bentuk pada masa hadapan.

Sekiranya Malaysia juga mengambil langkah yang sama, tidak mustahil Malaysia akan menjadi antara negara pengeluar profesional reka bentuk yang akan mencorakkan dunia, yang secara tidak langsung akan menyumbangkan kemajuan sosioekonomi negara.

sains



DR. AHMAD ZAINUDDIN (tengah) bersama Dr. Osman Mohd. Tahir bergambar bersama pelajar tahun akhir UPM.

S EED Showcase, 2015 merupakan program julung kali diadakan oleh pelajar tahun akhir bagi Bachelor Reka Bentuk, Reka Bentuk Perindustrian dari Jabatan Reka bentuk Perindustrian, Fakulti Reka bentuk dan Seni bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang Selangor.

Diadakan setiap tahun bagi sesi 2014/2015 kumpulan mahasiswa tersebut telah memilih Jabatan Rekabentuk Perindustrian sebagai lokasi pameran produk rekaan mereka bagi mempromosi jabatan tersebut.

Menurut Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia, **Prof. Datuk Ahmad Zainuddin**, pihaknya amat berbesar hati kerana galeri Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) telah dipilih sebagai tempat untuk mempamerkan hasil tugasan mereka.

Jelasnya, perubahan lokasi pameran tersebut diharapkan dapat memberi impak yang lebih positif kepada bakal graduan.

"Saya percaya perubahan tersebut akan mendekatkan anda dengan dunia sebenar industri rekabentuk di Malaysia," katanya. Yang turut hadir, Dekan Fakulti Reka bentuk dan Seni bina UPM, Prof Madya Dr. Osman Mohd Tahir.

Tambah Ahmad, pihaknya juga ingin berterima kasih kepada mahasiswa di atas kesungguhan mempertontonkan hasil kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari sepanjang tempoh pengajian mereka menerusi *Seed Showcase* 2015.

Menggunakan jenama Mampan, Persekitaran, Penerokaan dan Reka bentuk bagi mempromosi mahasiswa serta produk rekaan mereka, program tersebut disertai oleh kumpulan mahasiswa ke sepuluh dan juga kumpulan pertama yang menjalani program empat tahun bagi pengajian tersebut.

Program tersebut merupakan aktiviti yang julung kali dilaksanakan oleh pelajar tahun akhir seterusnya menjadi

Platform mahasiswa pameran bakat

Pelajar UPM anjur Seed Showcase 2015 serlahkan kreativiti

tapak permulaan bagi mereka sebelum bergraduasi.

Selain menganjurkan pameran produk hasil kerja mahasiswa, mereka turut mengadakan program lain seperti *design talk* oleh wakil daripada Reka bentuk Perindustrian bagi berkongsi maklumat berkenaan reka bentuk. MRM merupakan salah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berperanan sebagai agensi strategik reka bentuk nasional bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing seperti pemain utama reka bentuk di peringkat global.

Dalam pada itu Dr. Ahmad berkata, penubuhan MRM sejak 20 tahun lalu amat bertepatan dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

"Penubuhan MRM terus kekal relevan kerana reka bentuk sentiasa berintegrasi dalam kehidupan seharian kita.

"Sedar atau tidak corak kehidupan kita sering dipengaruhi oleh reka bentuk produk yang berada di sekeliling kita," katanya.

Fakta

Seed Showcase 2015

- Anjuran bersama UPM dan MRM
- Produk yang dihasilkan berdasarkan klasifikasi empat pengkhususan utama iaitu pengangkutan, produk, perabot dan sukan terpih.
- Bertemakan *Universal Design*, seramai 29 orang mahasiswa telah mengambil bahagian dan menghasilkan 29 produk daripada kajian pelbagai tajuk.

Oleh yang demikian MRM sentiasa menyokong dan membuka ruang serta peluang kepada mana-mana pihak, tidak kira agensi kerajaan mahupun swasta atau institusi pendidikan tempatan.

"Seperti mana yang dilakukan oleh Jabatan Reka bentuk Perindustrian di sepanjang minggu ini untuk mempromosi dan menyebar luas kefahaman umum terhadap peranan dan kepentingan reka bentuk di negara ini," katanya.



DR. OSMAN MOHD TAHIR

KERATAN AKHBAR TEMPATAN UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 9 TARIKH: 22 JUN 2015 (ISNIN)

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 22 JUN 2015

MEGA • 9

sains



DR. AHMAD ZAINUDDIN (kanan) bersama Dr. Osman Mohd Tahir (dua dari kiri) melawat pameran selepas majlis perasmian Seed Showcase di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pihaknya juga percaya dengan kemampuan dan kredibiliti bakal-bakal graduan UPM serta sesetengah universiti lain di dalam mahupun luar negara dalam usaha memartabatkan industri reka bentuk di negara ini.

Sementara itu menurut Dr. Osman, penganjuran program tersebut merupakan satu langkah yang sangat baik dalam mempamerkan hasil

keaktiviti dan inovasi pelajar tahun akhir.

"Ini memberi kesan positif terhadap usaha generasi pereka muda dalam mengenengahkan idea inovatif mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Adalah diharapkan program seperti ini akan menjadi pemangkin kepada pelajar yang lain untuk terus berusaha dan cemerlang dalam pembangunan industri reka bentuk di negara kita," katanya.



SEBAHAGIAN peserta tekun mendengar ceramah pada Design Summit 2015 di ibu negara.

Buka minda untuk berinovasi

DUNIA inovasi sentiasa berkembang maju dan kita boleh lihat pelbagai produk telah dihasilkan menerusinya bagi memudahkan kerja-kerja seharian manusia.

Bagaimanapun untuk menjayakan sesuatu inovasi, usaha yang keras dalam proses pemasaran dan kolaborasi merupakan perkara yang perlu dititik beratkan oleh seseorang pereka cipta.

Untuk tujuan tersebut, Pusat Pembangunan Reka bentuk (DDEC) telah menganjurkan satu persidangan yang dikenali sebagai Design Summit 2015 baru-baru ini.

Persidangan yang mengetengahkan pelbagai program seperti pertandingan reka bentuk, seminar rekabentuk (DDEC Design Talks), ekspso reka bentuk dan makan malam gala.

Antara perkara menarik yang dibentangkan oleh penceramah seminar tersebut adalah konsep rekaan atau inovasi yang dilakukan harus berkonsepkan perubahan.

Menurut Pengurus Bersama Asia Pasifik, Leo Burnett Consultancy, **James Bickford**, inovasi yang menghasilkan perubahan tidak mengira besar mahupun kecil berpotensi untuk berjaya.

"Sebagai pereka cipta anda harus berfikir untuk menghasilkan rekaan yang boleh diperkembangkan dan perluaskannya.

"Sebagai contoh teknologi nano yang merupakan antara teknologi terkini yang sedang berkembang pesat," katanya.

Tambahnya, pereka cipta perlu mereka sesuatu dengan motif atau tujuan rekaan tersebut dihasilkan. James turut menyenut bahawa kolaborasi juga amat penting dalam memastikan kejayaan sesebuah rekaan itu berjaya kerana menerusinya lebih banyak idea dapat dijana berbanding pereka cipta itu bergerak bersendirian.

Sementara itu, bagi pensyarah Jabatan Reka Bentuk, Universiti Teknologi Fukui, Jepun, **Prof. Tsutomu Yamauchi**, inovasi boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pengguna (manusia), fungsi rekaan

dan alam sekitar.

"Ketiga-tiga faktor ini saling berkait rapat dan amat mempengaruhi rekaan yang dihasilkan.

"Sesebuah rekaan yang universal adalah rekaan yang boleh digunakan semua lapisan masyarakat, dalam erti kata lain mesra untuk semua golongan pengguna," katanya.

Ujarnya, inovasi yang dicipta bukan sahaja boleh digunakan tetapi perlulah lebih mesra alam.

Namun, pembentangan yang menyerlah pada seminar tersebut adalah konsep yang cuba disampaikan oleh pereka cipta mesra alam bagi produk Magno Design, Indonesia, Singgih S. Kartono.

Singgih merupakan seorang pereka cipta radio kayu (80 peratus kayu) dengan jenama Magno yang membawa konsep rekaan perlu mencerminkan budaya setempat serta mesra alam.

"Konsep penghasilan produk Magno contohnya dihasilkan dari hati, hanya sedikit dibentuk (rekaan) namun dapat bertahan lama kerana berbeza daripada yang sedia ada (unik)," katanya.

Bermula dari tahun 1990-an sehingga, Magno hanya menghasilkan sekitar 30 rekaan sahaja. Namun kerana rekaan yang unik, produk tersebut sentiasa mendapat tempat di hati peminatnya biarpun bertahun lamanya dikeluarkan.

Jelas Singgih, konsep utama yang ditekankan adalah ringkas namun praktikal (berfungsi) manakala gaya bagi sesebuah produk itu tidak begitu penting.

"Bagaimanapun saya mengakui, kerjasama dalam memastikan produk inovasi itu berjaya dipasarkan adalah begitu penting," ujarnya.

Seminar tersebut lebih menekankan kepentingan rekaan yang mesra alam sejajar dengan inisiatif dan program kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong usaha mengurangkan kesan rumah hijau dan perubahan iklim dalam memastikan pembangunan yang mampan.



SEBAHAGIAN orang ramai yang mengunjungi majlis perasmian Seed Showcase 2015 di Kuala Lumpur baru-baru ini.